

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

31 kematian dalam penjara bayi tempoh 10 tahun lalu, kata Supri
19 Aug 2010
New Sabah Times Bahasa (KK)
Semasa
N/A
Daily
23,655 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
9
99 cm²
Black/white
192
576



31 kematian dalam penjara bagi tempoh 10 tahun lalu, kata Supri

PUTRAJAYA: Sebanyak 31 kematian membabitkan banduan dilaporkan berlaku di dalam penjara di seluruh negara sepanjang tempoh 10 tahun lepas, kata Timbalan Pengarah Keselamatan Jabatan Penjara Supri Hashim.

Beliau berkata kebanyakan kes adalah disebabkan penyakit yang dihadapi seperti HIV selain bunuh diri, namun tidak ada kematian disebabkan pergaduhan atau penggunaan senjata buatan sendiri.

"Pergaduhan membabitkan banduan juga sebenarnya sangat jarang berlaku di dalam penjara," katanya kepada pemberita, di sini kelmarin.

Beliau bagaimanapun mengakui banduan kreatif membuat senjata dan antara peralatan yang biasa diubahsuai mereka ialah pen, berus gigi, klip paip, sudu, kayu dan paku.

Untuk mengelakkan insiden tidak diingi-

ni, Supri berkata pihak penjara akan membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan tidak ada peralatan di dalam sel yang hilang.

"Daripada pemeriksaan itu, kita akan tahu bahawa peralatan tersebut telah diambil oleh banduan untuk dijadikan senjata. Tugas kita ialah untuk mendapatkannya sebelum ia digunakan," katanya.

Pihaknya juga meningkatkan pemeriksaan ke atas banduan, petugas penjara serta anggota keluarga banduan yang datang melawat.

Pemeriksaan ke atas pelawat juga bagi membendung penyeludupan barang-barang seperti dadah, tembakau dan telefon bimbit, katanya.

Supri berkata pada masa ini terdapat lebih 34,000 banduan menjalani hukuman di 31 buah penjara di negara ini, dan 12,000 daripada mereka adalah warga asing. - Bernama